

Agensi patut ditadbir bersama

170 NOV 1991

AGENSI kerajaan yang bertujuan membangunkan masyarakat Bumiputera, khususnya Maraperlu ditadbir bersama oleh ahli politik dan pegawai profesional untuk memastikan ia mencapai matlamatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata pentadbiran agensi kerajaan adalah tugas bersama di antara kerajaan yang diwakili ahli politik pilihan rakyat dan pegawai awam.

"Kalau segala-galanya ditadbir oleh orang politik tanpa aturan pentadbiran, maka jika berlaku penyelewengan, ia sukar dikrsan dan susah diambil tindakan," katanya kepada pembicara selepas penangguhan Perhimpunan Agung Umno di sini semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, kerajaan juga tidak mengasingkan pentadbirannya daripada pentadbiran pegawai awam dan profesional.

Menurutnya, kerajaan menadbir negara melalui undang-undang dan peraturan, manakala pengurusan dan pelaksanaan dilakukan oleh pegawai.

"Inilah cara pentadbiran di mana-mana juga. Ahli politik adalah ahli politik dan bukannya ahli pentadbiran. Bagi urusan pentadbiran, kita serahkan kepada pentadbir. Ini satu sistem yang berjalan dengan baik,"ujarnya.

Menurutnya, sistem pentadbiran bersama itu tidak boleh diketepikan tanpa menghadapi sebarang masalah.

Dalam perbincangan ucapan dasar Presiden Umno pagi semalam, wakil Wilayah Persekutuan, Senator Azman Attar Othman, mencadangkan agensi kerajaan seperti Mara ditadbir oleh ahli politik untuk memenuhi matlamat membantu orang Melayu.

Ditanya sama ada timbul percanggahan di antara pentadbir profesional dan ahli politik dalam agensi kerajaan, Perdana Menteri berkata: "Tak ada timbul. Kadang-kadang ada selisih faham saja. Boleh diselesaikan."

Sehubungan itu, katanya, Mara tetap ditadbir seperti sedia kala kerana ia memenuhi corak pentadbiran yang sesuai serta dapat memenuhi matlamat membantu rakyat.

"Kita ada pengaruh politik untuk menentukan kepentingan rakyat diambil kira anakala cara mengurus mestilah tertib mengikut aturan pentadbiran," katanya.

Mengenai dakwaan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyelewengkan bantuan Kerajaan Pusat yang diberi kepada rakyat negeri itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menyiasat sebarang aduan berhubung penyelewengan.

"Jika kita dapati ada perkara yang bersalah mengikut undang-undang, maka tindakan perlu diambil," katanya.

Isu itu ditimbulkan oleh pemerhati Sabah, Encik John Montigani, dalam perbincangan yang sama, yang mendakwa PBS membohongi rakyat Sabah dengan mengakui bantuan Kerajaan Pusat sebagai bantuannya sendiri.

Mengenai pembabitan istana dalam pentadbiran dan isu Majlis Peguam, Perdana Menteri berkata, beliau akan menjelaskan sepenuhnya perkara itu ketika menggulung perbincangan di akhir perhimpunan, petang ini